

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID (KAPAR)**

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang terkumpul Sistem Insurans Pekerja dan berapa banyak yang telah dibelanjakan bagi tujuan membayar pampasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah dana dan caruman terkumpul bagi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mulai bulan Januari 2018 sehingga Disember 2018 adalah sebanyak RM554.3 juta manakala bagi bulan Januari 2019 adalah sebanyak RM50.3 juta.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, jumlah yang telah dibelanjakan untuk tujuan pembayaran pampasan faedah SIP dari Januari 2018 sehingga Disember 2018 adalah sebanyak RM17.2 juta. Manakala bagi bulan Januari 2019, jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM7.6 juta untuk pelbagai faedah termasuk bayaran interim di bawah SIP.